

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 25 Ogos 2021 23:01
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pentadbir Bersama-Sama Jayakan Agenda Pengurusan Perubahan



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

25 OGOS 2021 / 16 MUHARAM 1443H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

PENTADBIR BERSAMA-SAMA JAYAKAN AGENDA PENGURUSAN PERUBAHAN

Majlis PERASMIAN KONVENSYEN HARI PENTADBIR UNIVERSITI AWAM
PERINGKAT UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TAHUN 2021
"PENGURUSAN PERUBAHAN PEMACU KECERLANGAN PENTADBIR UNIVERSITI"
oleh
PROF. DATO[®] DR. AHMAD BASHAWIR BIN HAJI ABDUL GHANI
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
24 OGOS 2021 | SELASA | 9:15 PAGI

KONVENSYEN HARI PENTADBIR UNIVERSITI AWAM TAHUN 2021 PERINGKAT UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
"Pengurusan Perubahan Pemacu Kecemerlangan Pentadbir Universiti"
24 OGOS 2021 | SELASA | 8:30 PAGI

Bersama panel khas:

- Encik Ahmad Rasidi Abdullah, Pentadbir UUM
- Encik Andy Bachtiar Ibrahim, Pengarah Pemasaran & Promosi UUM
- Tn Dr. Mohamed Azlan Aslihan, UUM
- Encik Mohd Zulkifli Mohd Noor, UUM
- Tuan Haji Redzuan Isahak, UUM
- Encik Abdul Rami Baharom, UUM
- Encik Ahmad Tahirudin Haji Ismail, UUM
- Utazah Siti Khairiah Partan, UUM

Moderator:

- Tuan Haji Mohd Fairus Abd Majid
- En. Halim Md Yatim
- En. Abdul Shakur Abdullah

webex
Meeting number: 158 361 1837
Password: PERPAT2021

UUM ONLINE: Pengurusan perubahan sesebuah organisasi yang diuruskan dengan baik berupaya mengurangkan pembaziran dan kos operasi, di samping meningkatkan produktiviti, mengurangkan risiko, menambahkan pendapatan dan keuntungan.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, di antara pendekatan penting yang harus dilaksanakan bagi menjayakan agenda pengurusan perubahan ialah menerima dan memahami keperluan untuk membuat perubahan.

"Kita mesti berkomunikasi dengan cekap dan pantas, mempunyai pelan perubahan yang komprehensif dan perubahan perlu dilaksanakan dengan mantap, mengadakan 'post-mortem' bagi mengenal pasti kelemahan dan kekuatan yang ada dan turut memberi penghargaan kepada mereka yang telah menjalankan amanah dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi.

"Dalam kegelutan kita untuk mencari jalan keluar daripada situasi global masa kini, kita perlu sentiasa sedar bahawa dunia pasca pandemik yang bakal kita lalui kelak akan mempunyai sifat yang sangat berbeza dan tidak akan sama seperti dunia akademik yang kita kenali satu masa dahulu," katanya pada Majlis Perasmian Konvensyen Hari Pentadbir Universiti Awam Tahun 2021 Peringkat UUM menerusi Webex, semalam.

Beliau berkata, UUM memberi kesan di peringkat global, justeru mesti berfikir dan bertindak seperti organisasi multinasional bahawa kelangsungan bergantung pada mendapatkan sebanyak mungkin pelanggan antarabangsa dan untuk berjaya mesti menguasai seni komunikasi dan bahasa.

Menurutnya, Bahasa Inggeris adalah sebahagian dalam misi yang sangat penting ini. Ini hanya kerana bahasa itu digunakan, baik bertutur atau menulis, di hampir semua negara di dunia dan membolehkan universiti menjangkau secara global dalam meningkatkan imej UUM.

"Saya berharap para pentadbir UUM dapat melakukan perubahan paradigma dalam menerapkan bahasa Inggeris.

"Dengan menguasai Bahasa Inggeris tidak akan menjejaskan identiti anda sebagai orang Melayu, Cina, atau India atau agama Islam, Buddha atau Hindu, malah akan memberi kesan positif kerana anda dapat mempelajari lebih lanjut mengenai budaya, identiti dan agama anda dengan menjadi berbilang bahasa," katanya.

Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir berkata, universiti mempunyai rancangan dan mengembangkan kegiatan kolaborasi dan jaringan ke Korea Selatan, Mexico, Indonesia, Taiwan, Australia, Timur Tengah dan negara-negara Eropah untuk mempercepatkan agenda pengantarabangsaan.

Menurutnya, norma baharu telah mengambil alih segenap aspek kehidupan serta bakal menjadi pencetus serta permulaan kepada landskap baharu yang lebih global dalam pelbagai perkara.

Katanya, perkembangan '*digital disruption*' yang begitu rancak berlaku bukan sahaja mencetus perubahan, malah turut mengubah pendekatan perilaku manusia serta cara manusia bertindak balas terhadap sesuatu perkara, termasuklah dalam konteks pentadbiran.

"Dalam hal ini, seluruh warga pentadbir UUM perlu mahir mengadaptasi dan memantapkan gerak kerja yang berkaitan dengan pentadbiran universiti untuk memastikan organisasi kita kekal praktikal dan relevan dengan keadaan semasa.

"Segala perubahan ini perlu diuruskan secara bijaksana dan efisien. Malah, semasa menangani perubahan tersebut, kita tidak boleh meminggirkan tiga perkara utama iaitu iltizam, komitmen dan janji taat setia untuk terus memartabatkan dunia keilmuan serta memacu institusi pengajian ini ke

tahap seterusnya,” katanya yang turut mengucapkan Selamat Hari Pentadbir Universiti Awam 2021 kepada seluruh warga pentadbir UUM yang merupakan kelompok pengurusan dan profesional bukan akademik yang menjadi tulang belakang kepada kecemerlangan yang sentiasa berhadapan dengan pelbagai cabaran.

Tambah beliau, cabaran ini menjadi semakin getir dan kompleks, anjakan perubahan dunia pendidikan yang dinamik pada peringkat global, menuntut kita untuk turut berubah seiring dengan keperluan semasa.

Ujarnya, perubahan drastik secara global menyaksikan institusi pendidikan di negara ini mengalami peningkatan dari segi jumlah kewujudan entiti universiti awam dan swasta, peluasan peranan dan tanggungjawab serta pengkhususan bidang dengan setiap universiti menjadi universiti berfokus.

Pemilihan tema 'Pengurusan Perubahan Pemacu Kecemerlangan Pentadbir Universiti' memberikan peringatan serta sangat relevan untuk menggambarkan kemelut pada hari ini.

Konvensyen selama sehari ini turut menampilkan barisan panel khas iaitu Pengurus Projek Empower NCER Akademi Partnership, Andy Bachtiar Ibrahim dan Ts. Dr. Mohamaed Azlan Ashaari dari Universiti Sains Malaysia, manakala UUM disertai Pendaftar, Ahmad Rasidi Abdullah, Mohd Zulkifli Mohd Noor, Redzuan Ishak, Abdul Roni Baharom, Ahmad Takhirudin Ismail dan Siti Khairiah Parlan bersama tiga moderator iaitu Mohd Fairus Abd Majid, Halim Md. Yatim dan Abdul Shakur Abdullah.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.